

Pencerobohan bot asing jejas nelayan tempatan

BH 10/3/2023 MS. 19

Kangar: Pencerobohan nelayan Thailand dalam perairan negara dekat Perlis menyebabkan pendapatan hampir 100 nelayan pesisir pantai di Kuala Sungai Baru, Simpang Empat, di sini, terjejas.

Mereka mendakwa hasil laut di kawasan itu sangat berkurangan, lebih-lebih lagi ketika musim angin timur laut sekarang.

Seorang nelayan, Abdul Hamid Mokhtar, 57, berkata kebiasaaninya beliau mampu meraih pendapatan sekitar RM3,000 hingga RM4,000 sebulan, namun kini hanya purata RM1,000 sahaja dan tidak berbaloi untuk meneruskan pekerjaan itu kerana perlu menanggung pelbagai kos, termasuk minyak dan makanan kira-kira

RM100 sehari apabila turun ke laut.

"Kadangkala ada nelayan keluar awal lagi sehingga berjam-jam di laut, akhirnya pulang tangan kosong disebabkan hasil semakin berkurangan," katanya di sini.

Rakannya, Hamzah Ahmad, 63, pula berkata, pencerobohan bot nelayan dari Thailand yang mengaut hasil laut seperti siput retak seribu di perairan negara ini juga antara faktor menyebabkan berlaku kemerosotan hasil nelayan pesisir pantai.

"Mereka biasanya menceroboh pada waktu malam bagi mengelak kegiatan dihidu pihak berkuasa.


"Apabila mereka melakukan pencerobohan menggunakan pu-

kat, ini merosakkan ekosistem dasar laut dan menyebabkan hidupan seperti udang dan ikan tidak lagi berada di perairan ini kerana keadaan tanah dan air menjadi busuk," katanya.

Bagi peraih ikan, Mohd Shukor Chin, 60, kemerosotan hasil laut yang dihadapi nelayan di kawasan itu pada kali ini agak teruk berbanding tahun sebelumnya.

"Kemerosotan hasil ini disifatkan paling buruk sejak saya menjadi peraih ikan 26 tahun lalu.

"Selain itu, faktor perubahan angin monsun timur laut ini dijangka mungkin berterusan sehingga akhir bulan ini dan pendapatan nelayan dijangka terus terjejas sepanjang tempoh itu," katanya.



Mohd Shukor menunjukkan tong ikan yang kosong berikutan hasil nelayan pesisir pantai di Kuala Sungai Baru berkurangan.

(Foto Aizat Sharif/BH)